

TERMA & SYARAT PEMILIK TUNGGAL & PERKONGSIAN CIMB

1. Definisi

- a) "CIMB Bank" bermaksud CIMB Bank Berhad.
- b) CIMB Islamic Bank" bermaksud CIMB Islamic Bank Berhad.
- c) "Terma & Syarat Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB" bermaksud terma dan syarat yang dinyatakan di sini.
- d) "Pelanggan Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB" bermaksud individu yang telah memenuhi syarat Kelayakan Pemilik Tunggal & Perkongsian CIMB yang dinyatakan dalam Klausula 2.1. dan yang telah diterima oleh CIMB Bank / CIMB Islamic Bank sebagai Pelanggan Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB.
- e) "Ciri-ciri, manfaat dan ganjaran Pemilik Tunggal & Perkongsian CIMB" bermaksud ciri-ciri, manfaat dan ganjaran produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh CIMB Bank / CIMB Islamic Bank atau disediakan oleh CIMB Bank / CIMB Islamic Bank untuk Pelanggan Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB.
- f) "Akaun Semasa Perniagaan" bermaksud Akaun Semasa Perniagaan bagi Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB yang dibuka dan dikendalikan dengan CIMB Bank dan / atau CIMB Islamic Bank.
- g) "Pelanggan yang Layak" bermaksud Pelanggan Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB yang mempunyai Akaun Semasa Perniagaan.
- h) BizChannel@CIMB" bermaksud perkhidmatan perbankan perniagaan internet dalam talian yang disediakan oleh Bank.

2. Kelayakan Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB

2.1 Untuk layak dipertimbangkan oleh CIMB Bank / CIMB Islamic Bank sebagai Pelanggan Pemilik Tunggal & Perkongsian CIMB, pelanggan mesti memenuhi kriteria berikut:

- (i) mengekalkan atau berjaya membuka Akaun Semasa Perniagaan dengan CIMB Bank / CIMB Islamic Bank; dan
- (ii) melanggan BizChannel @ CIMB dengan CIMB Bank.

2.2 Rekod CIMB Bank / CIMB Islamic Bank bagi Pelanggan Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB hendaklah dianggap muktamad dan penerimaan dan penerusan sebagai Pelanggan Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB adalah mengikut budi bicara CIMB Bank / CIMB Islamic Bank.

3. Ciri-ciri, Manfaat dan Ganjaran Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB

- 3.1 CIMB Bank / CIMB Islamic Bank boleh pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa menawarkan Ciri-ciri, manfaat dan ganjaran Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB kepada Pelanggan Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB. Senarai penuh ciri-ciri, manfaat dan ganjaran boleh didapati di laman web CIMB Bank / CIMB Islamic Bank di www.cimbbank.com.my/spp atau www.cimbislamic.com.my/spp
- 3.2 Ciri-ciri, manfaat dan ganjaran Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB adalah tertakluk kepada terma dan syarat CIMB Bank / CIMB Islamic dan / atau rakan perniagaannya. Terma dan Syarat Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB adalah tertakluk pada keterpakaian terma dan syarat tambahan yang mentadbir Ciri-ciri, manfaat dan ganjaran Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB dan terma dan syarat produk dan / atau perkhidmatan yang berkaitan atau yang berkenaan yang mana adalah berasingan dari terma dan syarat di sini. Semua ciri-ciri, manfaat dan ganjaran produk dan perkhidmatan yang ditawarkan atau disediakan atau diperuntukkan sebagai sebahagian daripada ciri-ciri, manfaat dan ganjaran Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB mestilah dibaca bersama dengan terma dan syarat khusus yang mentadbir ciri-ciri, manfaat dan ganjaran Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB dan terma dan syarat daripada CIMB Bank, CIMB Islamic Bank atau rakan niaga mereka, mengikut mana-mana yang berkenaan yang mengawal produk dan / atau perkhidmatan yang berkaitan atau berkenaan.
- 3.3 Setakat mana yang dibenarkan oleh undang-undang, CIMB Bank / CIMB Islamic Bank, dengan jelas mengecualikan dan menafikan apa-apa perwakilan, waranti, sokongan, nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk sesuatu tujuan berkenaan dengan produk dan / atau perkhidmatan rakan perniagaannya.
- 3.4 Pelanggan Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB dengan ini membenarkan CIMB Bank / CIMB Islamic Bank untuk mendedahkan maklumat yang berkaitan dengan nama pendaftaran perniagaan dan nombor pendaftaran perniagaan (BRN) Pelanggan Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB kepada rakan perniagaan CIMB Bank dan CIMB Islamic Bank, di mana diperlukan tujuan pemenuhan ciri-ciri, manfaat dan ganjaran Pemilik Tunggal dan Perkongsian.
- 3.5 Pelanggan Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB mesti mematuhi terma dan syarat berhubung dengan Ciri-ciri, manfaat dan ganjaran Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB atau apa-apa terma dan syarat selanjutnya yang boleh ditetapkan oleh CIMB Bank / CIMB Islamic Bank dari semasa ke memberi notis awal dua puluh satu (21) hari kalendar, sebelum Pelanggan Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB dibenarkan untuk menikmati manfaat, Keistimewaan & Ganjaran Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB.
- 3.6 CIMB Bank / CIMB Islamic Bank mempunyai hak untuk menyemak, mengubah, menggantung, membatalkan, menamatkan atau menarik balik Ciri-ciri, manfaat dan ganjaran Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB secara keseluruhan atau sebahagian, dengan memberikan Pelanggan Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB notis awal empat belas (14) hari kalendar. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, mana-mana pembatalan, pindaan, pengubahsuaian, semakan, sekatan atau penggantungan semua atau mana-mana Ciri-ciri, manfaat dan ganjaran Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB tidak akan melayakkan Pelanggan Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB dan / atau mana-mana orang untuk membuat apa-apa

tuntutan atau pampasan terhadap CIMB Bank / CIMB Islamic Bank bagi sebarang kerugian atau kerosakan yang ditanggung atau dihadapi oleh Pelanggan Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB dan / atau mana-mana orang susulan penamatan, pembatalan, pindaan, pengubahsuaian, semakan, sekatan atau penggantungan sama ada secara langsung atau tidak melainkan perkara tersebut disebabkan oleh kecuaiian atau kemungkiran nyata CIMB Bank / CIMB Islamic Bank.

4. Penamatan

4.1 Ciri-ciri, manfaat dan ganjaran Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB kepunyaan Pelanggan Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB boleh digantung atau ditamatkan apabila berlakunya sebarang kejadian yang berikut:

- (i) Akaun Semasa Perniagaan dan / atau BizChannel@CIMB yang dilanggan oleh Pelanggan Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB telah digantung, ditamatkan atau dibekukan.
- (ii) Pelanggan Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB telah melanggar mana-mana terma dan syarat Akaun Semasa Perniagaan dan / atau BizChannel@CIMB atas apa jua sebab.
- (iii) Pelanggan Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB telah melanggar dan / atau menggugat mana-mana terma dan syarat yang mengawal Ciri-ciri, manfaat dan ganjaran Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB.

4.2 Di samping hak-hak di bawah Klausula 4.1, CIMB Bank / CIMB Islamic Bank berhak untuk menggantung atau menamatkan mana-mana hak Pelanggan Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB untuk menikmati atau menggunakan Ciri-ciri, manfaat dan ganjaran Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB tanpa sebab dan tanpa memberi apa-apa sebab setelah memberikan notis awal empat belas (14) hari kalendar kepada Pelanggan Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB.

4.3 Apabila penamatan yang disebutkan dalam Klausula 4.1 dan 4.2. terjadi, Pelanggan Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB secara serta merta tidak akan dapat menikmati atau menggunakan semua ciri-ciri, manfaat dan ganjaran yang ditawarkan di bawah Ciri-ciri, manfaat dan ganjaran Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB; jika gagal, CIMB Bank / CIMB Islamic Bank berhak mengenakan ke atas Pelanggan yang Layak levi, caj atau yuran yang berkenaan susulan penerusan penggunaan bagi mana-mana Ciri-ciri, manfaat & ganjaran Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB selepas ia digantung atau ditamatkan.

4.4 CIMB Bank / CIMB Islamic tidak akan dipertanggungjawabkan atas apa-apa kerugian atau kerosakan yang ditanggung atau dihadapi oleh Pelanggan Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB atau mana-mana pihak lain, berkenaan dengan (i) Penggunaan/ Ketidakgunaan Ciri-ciri, manfaat & ganjaran Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB oleh Pelanggan Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB; (ii) Tindakan CIMB Bank / CIMB Islamic Bank untuk menamatkan atau menangguhkan hak Pelanggan Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB dari menikmati atau menggunakan Ciri-ciri, manfaat & ganjaran Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB melainkan perkara tersebut disebabkan oleh kemungkiran nyata atau kelalaian CIMB Bank / CIMB Islamic Bank.

5. Notis Penting

- 5.1 Penggunaan dan pemanfaatan Ciri-ciri, manfaat dan ganjaran Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB oleh Pelanggan Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB akan dianggap sebagai satu persetujuan oleh Pelanggan Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB terhadap Terma & Syarat Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB dan terma dan syarat khusus yang mentadbir Ciri-ciri, manfaat & ganjaran Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB dan terma dan syarat yang mengawal produk dan / atau perkhidmatan yang berkaitan atau tertentu yang ditawarkan dan / atau disediakan.
- 5.2 Pelanggan Pemilik & Perkongsian CIMB dengan ini mengesahkan bahawa mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi Kumpulan CIMB (yang boleh didapati di www.cimbbank.com.my atau www.cimbislamic.com) dan klausa-klausa yang terkandung di sini, yang berkaitan dengan pemrosesan maklumat peribadi Pelanggan Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB. Untuk mengelakkan keraguan, Pelanggan Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB bersetuju bahawa Notis Privasi Kumpulan CIMB tersebut dianggap telah dimasukkan dengan merujuk kepada Terma dan Syarat Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB di sini.
- 5.3 Pelanggan Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB bersetuju bahawa mereka tidak akan mempertanggungjawabkan CIMB Bank / CIMB Islamic Bank terhadap apa-apa kerugian atau kehilangan yang telah dihadapi atau mungkin dihadapi secara langsung atau tidak langsung susulan penggunaan Ciri-ciri, manfaat & ganjaran Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB termasuk tetapi tidak terhad kepada kerosakan atau kepincangan tugas pada komputer, talian sambungan terminal komputer, sistem pemrosesan data atau talian penghantaran atau peralatan lain sama ada dimiliki oleh CIMB Bank / CIMB Islamic Bank atau tidak, cubaan atau tindakan keganasan sebenar, wabak epidemik, peperangan, rusuhan, mogok, tunjuk perasaan, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kegagalan teknikal atau sistem, sebarang bencana atau sebarang keadaan atau kejadian di luar kawalan munasabah CIMB Bank dan / atau CIMB Islamic Bank.
- 5.4 CIMB Bank / CIMB Islamic Bank berhak memberi notis awal dua puluh satu (21) hari kalendar untuk mengubah (sama ada penambahan, pemotongan, pengubahsuaian, pindaan atau sebaliknya) ("Pindaan") mana-mana Terma & Syarat Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB. Pemberitahuan kepada Pelanggan Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB berkenaan dengan Pindaan tersebut akan dilaksanakan di atas budi bicara mutlak CIMB Bank / CIMB Islamic Bank melalui salah satu cara komunikasi berikut, iaitu melalui pos biasa kepada alamat Pelanggan Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB yang diketahui terakhir atau dengan menyiarkan notis mengenai Pindaan di setiap cawangan CIMB Bank / CIMB Islamic Bank atau dengan mengiklankan Pindaan tersebut dalam satu akhbar pilihan CIMB Bank / CIMB Islamic Bank atau melalui laman web CIMB Bank / CIMB Islamic Bank atau dalam apa-apa cara lain sebagaimana

yang difikirkan sesuai oleh CIMB Bank / CIMB Islamic Bank dan Pindaan itu dianggap sebagai mengikat Pelanggan Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB daripada tarikh pemberitahuan Pindaan atau daripada tarikh lain seperti yang dinyatakan oleh CIMB Bank / CIMB Islamic Bank dalam pemberitahuan tersebut.

- 5.5 Terma & Syarat Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB, sebagaimana yang boleh dipinda dari semasa ke semasa menurut Klausula 5.4, akan mengatasi sebarang peruntukan atau perwakilan yang terkandung dalam bahan pengiklanan atau promosi yang berkaitan dengan Ciri-ciri, manfaat dan ganjaran Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB. Ketepatan masa merupakan sesuatu yang penting namun kegagalan CIMB Bank / CIMB Islamic Bank dalam menjalankan atau menangguhkan pelaksanaan atau menguatkuasakan hak, kuasa, keistimewaan atau remedi terhadap Pelanggan Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB tidak akan terpakai sebagai satu pengecualian dan sebarang pelaksanaan tidak penuh terhadap apa-apa hak, kuasa, keistimewaan atau remedi boleh menjejaskan atau memberi kesan ke atas hak-hak CIMB Bank / CIMB Islamic Bank untuk bertindak dengan tegas secara selayaknya.
- 5.6 Ketidaksahan atau ketakbolehuatkuasaan Terma dan Syarat Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB dan terma dan syarat spesifik yang mentadbir Ciri-ciri, manfaat dan ganjaran Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB tidak akan menjejaskan kesahihan, kesahan atau kebolehuatkuasaan mana-mana Terma dan Syarat Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB di sini dan / atau terma dan syarat khusus yang mengawal Ciri-ciri, manfaat dan ganjaran Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB.
- 5.7 Terma dan Syarat Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB dan terma dan syarat khusus yang mentadbir Ciri-ciri, manfaat dan ganjaran Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB ini tertakluk kepada, ditadbir oleh dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan peraturan, arahan, peraturan dan garis panduan Bank Negara Malaysia, dan badan kawal selia yang relevan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa. Pelanggan Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB bersetuju mematuhi bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
- 5.8 Walau apa pun yang terkandung di sini, hak dan kelayakan CIMB Bank / CIMB Islamic Bank di bawah Terma dan Syarat Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB dan terma dan syarat khusus yang mentadbir Ciri-ciri, manfaat dan ganjaran Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB ini akan terus berkuatkuasa dan akan terus terpakai sekiranya berlaku penamatan atau penggantung Ciri-ciri, manfaat dan ganjaran Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB oleh CIMB Bank / CIMB Islamic Bank.
- 5.9 Terma dan Syarat Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB dan terma dan syarat khusus yang mentadbir Ciri-ciri, manfaat dan ganjaran Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB ini akan terus sah dan mengikat walaupun terdapat penyatuan, penggabungan, pemindahan atau penyerahan perniagaan, operasi, aset atau liabiliti CIMB Bank / CIMB Islamic Bank atau sebarang perubahan dalam CIMB Bank / CIMB Islamic Bank atau mana-mana syarikat yang menjalankan perniagaan CIMB Bank / CIMB Islamic Bank pada sesuatu masa.
- 5.10 Terma dan Syarat Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB yang dinyatakan di sini dan terma dan syarat khusus yang mentadbir Ciri-ciri, manfaat dan ganjaran Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB adalah sebagai tambahan kepada dan tidak mengurangkan apa-apa aturan tertentu berkaitan dengan kegunaan semasa Ciri-ciri, manfaat dan ganjaran Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB atau yang akan datang di

antara CIMB Bank / CIMB Islamic Bank dan Pelanggan Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB atau apa-apa terma dan syarat yang dinyatakan dalam mana-mana surat atau notis yang diberikan oleh CIMB Bank / CIMB Islamic Bank kepada Pelanggan Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB dari semasa ke semasa.

- 5.11 Terma dan Syarat Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB ini dan terma dan syarat khusus yang mentadbir Ciri-ciri, manfaat dan ganjaran Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB akan mengikat waris, wakil peribadi dan pengganti CIMB Bank / CIMB Islamic Bank dan Pelanggan Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB dan hak dan kewajipan Pelanggan Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB di sini tidak boleh diserahkan atas apa jua sebab.
- 5.12 Terma dan Syarat Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB ini dan terma dan syarat khusus yang mentadbir Ciri-ciri, manfaat dan ganjaran Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB adalah sebagai tambahan dan tertakluk kepada perjanjian dan / atau kaedah dan peraturan yang mengawal operasi, perkhidmatan, faedah dan keistimewaan berhubung dengan dan / atau yang timbul di bawah Akaun Semasa Perniagaan dan / atau BizChannel @CIMB daripada Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB yang dikendalikan dengan CIMB Bank / CIMB Islamic Bank.
- 5.13 Melainkan dinyatakan sebaliknya di sini, semua notis dan komunikasi oleh CIMB Bank / CIMB Islamic Bank berhubung dengan manfaat dan ganjaran Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB boleh diberikan oleh CIMB Bank / CIMB Islamic Bank melalui salah satu cara yang berikut: -
- a. Melalui pos berdaftar AR ke alamat terakhir Pelanggan Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB yang terdapat pada rekod CIMB Bank / CIMB Islamic Bank;
 - b. Melalui pos biasa ke alamat terakhir Pelanggan Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB berdasarkan rekod CIMB Bank / CIMB Islamic Bank;
 - c. Melalui faksimili, e-mel atau bentuk komunikasi serta-merta yang lain ke nombor telefon Pelanggan Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB yang terakhir yang diketahui, nombor telefon mudah alih atau alamat e-mel Pelanggan yang terdapat pada rekod CIMB Bank / CIMB Islamic Bank;
 - d. Dengan memaparkan di premis CIMB Bank / CIMB Islamic Bank, termasuk cawangannya;
 - e. Dengan memaparkan pada skrin apabila pelanggan mengakses ke laman web CIMB Bank / CIMB Islamic Bank di www.cimbbank.com/spp atau www.cimbislamic.com/spp
 - f. Dengan cara lain yang dianggap sesuai oleh CIMB Bank / CIMB Islamic Bank. Semua notis dan komunikasi yang dihantar oleh CIMB Bank / CIMB Islamic Bank kepada Pelanggan disifatkan telah diterima dan berkuatkuasa, kecuali dinyatakan sebaliknya di sini atau dalam notis atau komunikasi tersebut, seperti yang berikut: -
 - i. Jika melalui pos berdaftar A.R; setelah menerima kad A.R yang ditandatangani;

- ii. Jika melalui pos biasa, dua (2) hari selepas dipos untuk Semenanjung Malaysia dan lima (5) hari selepas dipos bagi Sabah & Sarawak dan tempat-tempat lain di luar Malaysia;
- iii. Jika melalui faksimili, e-mel atau komunikasi segera lain, apabila dihantar; dan
- iv. Jika dengan memaparkan (sama ada di premis CIMB Bank / CIMB Islamic Bank atau di laman web CIMB Bank / CIMB Islamic Bank) apabila paparan tersebut dibuat.

5.14 Tiada pampasan dalam bentuk wang tunai atau apa-apa jenis lain akan diberikan kepada Pelanggan Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB bagi apa-apa kerugian atau ganti rugi yang ditanggung atau dihadapi oleh Pelanggan Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB susulan pindaan, perubahan, pemotongan, penambahan atau pengubahan Terma dan Syarat di sini dan/atau terma dan syarat khusus yang mentadbir Ciri-ciri, manfaat dan ganjaran Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB sama ada secara langsung atau tidak langsung.

5.15 Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, konflik, ketidakjelasan atau kelainan antara versi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dari Terma dan Syarat ini, versi Bahasa Inggeris Terma dan Syarat ini akan diguna pakai. Walau apa pun yang disebutkan di atas, di mana permintaan telah dibuat oleh Pelanggan yang Layak dan diambil maklum dan diakui oleh CIMB Bank / CIMB Islamic Bank dalam rekodnya bahawa terma dan syarat Akaun Semasa Perniagaan/ BizChannel@CIMB versi Bahasa Malaysia telah dipilih oleh Pelanggan Yang Layak untuk mentadbir operasi penggunaan Akaun Semasa Perniagaan dan / atau BizChannel @CIMB oleh Pelanggan yang Layak, maka Terma dan Syarat Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB dan terma dan syarat khusus yang mentadbir Ciri-ciri, manfaat dan ganjaran Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB versi Bahasa Malaysia akan terpakai.

5.16 Bagi memberi maklumbalas dan / atau membuat aduan yang berkaitan dengan kelayakan sebagai Pelanggan Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB dan / atau sebarang perkara lain yang berkaitan dengan Ciri-ciri, manfaat dan ganjaran Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB, Pelanggan Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB boleh menghubungi Jabatan Resolusi Pelanggan CIMB Bank / CIMB Islamic Bank di alamat, nombor telefon, e-mel dan faksimili yang berikut (atau di alamat, nombor telefon, e-mel dan faksimili lain yang boleh diubah oleh CIMB Bank / CIMB Islamic Bank melalui pemberitahuan kepada Pelanggan Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB):

Unit Resolusi Pelanggan,
Tingkat 19, Menara Bumiputra-Commerce,
11, Jalan Raja Laut, 50350
Kuala Lumpur
Tel: 603 6204 7788/Fax: 603 2691 3248

5.17 Sebarang pertanyaan, maklumbalas, kebimbangan, isu atau aduan oleh Pelanggan Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB Bank akan dikendalikan dan diselesaikan dengan CIMB Bank dan sebarang pertanyaan, maklumbalas, kebimbangan, isu atau aduan oleh Pelanggan Pemilik Tunggal dan Perkongsian CIMB Islamic Bank akan ditangani dan diselesaikan dengan CIMB Islamic Bank.



CIMB Islamic Bank Berhad (671380-H)

CIMB Bank Berhad (13491-P)

Terma & Syarat
Pemilik Tunggal &
Perkongsian

5.18 Sekiranya terdapat pertanyaan, sila lawati mana-mana cawangan CIMB Bank / CIMB Islamic Bank di seluruh negara, atau hubungi Pusat Perhubungan CIMB Bank / CIMB Islamic: 03-62047788.